

BULETIN AL MANSOORAH

KEPENTINGAN BELAJAR FEQAH

Mempelajari ilmu feqah sangat penting kepada setiap orang Islam kerana dengan mengetahuinya, seseorang itu akan dapat memelihara agamanya, jiwanya, akalnya, keturunannya dan hartanya untuk menjalani kehidupan berlandaskan syariat seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Ilmu ini tidak hanya berada dalam lingkungan ibadat khusus sahaja sebaliknya konsep-konsep yang dipelajari hendaklah diterjemah dengan sebaik-baiknya dalam realiti kehidupan.

Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menggerakkan feqah supaya ia seiring dengan perubahan berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan lunas-lunas yang telah digariskan syarak yang seterusnya memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang hukum-hakam sesuatu perkara dalam konteks semasa.

TAKRIF FEQAH

Feeqah dari segi bahasa membawa maksud mempunyai ilmu terhadap sesuatu dan memahaminya. Akan tetapi penggunaan istilah tersebut di dalam Al-Quran menunjukkan bahawa feqah itu merupakan kefahaman yang mendalam. Dengan sebab demikian, salah seorang ulama mazhab Hanafi iaitu Imam Ibn Abidin mentakrifkan maksud kalimah fuqaha' sebagai orang yang 'alim berkenaan hukum-hakam Allah SWT sama ada dari sudut i'tiqad dan amalan.





PERBEZAAN FEQAH DAN SYARIAH

Disusun oleh Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD, FSASS, FMIOASD

Syariah ialah apa-apa aturan atau ketetapan yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hakam dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah, yang berkait dengan bidang aqidah dan perbuatan-perbuatan mukallaf, sama ada hukum-hakam qat'i atau zhanni. Syariah adalah merupakan nas-nas wahyu berasaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang terpelihara daripada kesalahan (ma'sum) dan tidak terdedah kepada sebarang perubahan atau pindaan. Syariah turut merangkumi hukum-hakam berkaitan aqidah selain hukum-hakam amali

Feeqah pula ialah ilmu-ilmu berkenaan hukum-hakam syari'ah yang bersifat amali, yang diambil daripada dalil-dalil syar'i yang terperinci. Feeqah adalah merupakan kefahaman ulama terhadap nas-nas syari'ah dan pengistinbatan hukum-hakam daripadanya. Feeqah terdiri daripada hukum-hakam ijtihami tetapi ianya adalah terbatas kepada hukum-hakam amali. Namun, suatu hal yang perlu diberi penekanan dan perhatian adalah pembahagian feeqah kepada dua kategori iaitu pertama, hukum-hakam yang thabit melalui nas yang qat'i dari sudut thubut dan dilalah, iaitu nas Al-Qur'an atau Hadith Mutawatir yang mengandungi makna yang amat jelas dan tidak boleh ditakwil seperti kefardhuan solat lima waktu, kefardhuan puasa Ramadhan dan kewajiban menunaikan janji; dan kedua, hukum-hakam yang thabit melalui nas yang zhanni dari sudut thubut dan dilalah, dan kefahaman berkenannya terbuka untuk ijihad oleh para ulama yang berkelayakan.

Ciri-ciri ilmu feeqah

Pertama, memberi penekanan kepada dalil-dalil secara terperinci (khusus).

Contoh: *dalil wajibnya solat adalah firman Allah: "dan dirikanlah solat"* Kedua, ilmu tentang hukum-hukum syariah cabangan yang berkaitan dengan perbuatan manusia.

Contoh: *membayar zakat hukumnya wajib ke atas orang islam yang baligh dan berakal*

Ketiga, menerangkan hukum perbuatan seperti wajib, haram, Sunnah dan lain-lain.

Contoh: *Menunaikan haji hukumnya wajib, berzina hukumnya haram, mengucapkan salam hukumnya sunnah*

Keempat, ilmu yang menerangkan bahawa solat lima waktu sehari semalam itu wajib dan bahawa di antara syarat-syarat wajibnya adalah kelayakan (baligh, berakal...) dan masuknya waktu dan lain-lain.

contoh: *menunaikan haji wajib dan syarat wajibnya: mampu, syarat sahnya: pada bulan Dzulhijjah ...*

Kelima, ilmu tentang dalil syarak secara terperinci.

Contoh: *Dalil solat hukumnya wajib: Firman Allah: "dan dirikanlah solat", Dalil zakat wajib: "dan tunaikanlah zakat", dalil haji wajib: "dan Allah telah mewajibkan ke atas manusia menunaikan haji" ...*

Keenam, subjek ilmu feeqah adalah perbuatan mukallaf (orang yang dibebankan hukum)